



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

4.37 JUTA PEKERJA BAKAL MENERIMA MANFAAT PELAKSANAAN PERINTAH GAJI MINIMUM 2024 RM1,700 SEBULAN

1. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) **mengumumkan** bahawa Perintah Gaji Minimum baharu akan berkuat kuasa di seluruh negara **mulai 1 Februari 2025**, menetapkan kadar gaji minimum kepada **RM1,700 sebulan** kepada majikan yang menggajikan lima orang pekerja atau lebih; dan majikan yang menjalankan suatu aktiviti profesional, tanpa mengambil kira bilangan pekerja yang digajikan oleh majikan tersebut. Manakala, bagi majikan yang menggajikan **kurang daripada lima orang pekerja, tarikh kuatkuasa akan bermula pada 1 Ogos 2025**. Hal ini bagi memastikan majikan diberi tempoh yang mencukupi untuk melakukan penyesuaian dalam struktur gaji dan operasi syarikat masing-masing.
2. Langkah ini bakal **memanfaatkan 4.37 juta pekerja** selaras dengan agenda Ekonomi MADANI yang menekankan keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta inklusif. Ia juga sejajar dengan komitmen kerajaan untuk 'Menaikkan Lantai' ekonomi negara dengan meningkatkan kuasa beli yang seterusnya dapat menambah baik kualiti hidup rakyat.
3. **KESUMA menegaskan** bahawa semua majikan diwajibkan untuk mematuhi Perintah Gaji Minimum ini dan memastikan pekerja mereka menerima gaji pokok tidak kurang daripada RM1,700 sebulan. Kegagalan majikan untuk mematuhi Perintah Gaji Minimum ini merupakan satu kesalahan dan boleh didenda sebagaimana diperuntukkan di bawah **Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732)**.

4. Bagi memastikan peralihan ini dapat berjalan lancar, KESUMA telah menyediakan beberapa inisiatif sokongan kepada majikan dan pekerja, termasuk:
- **Sesi libat urus** diadakan untuk majikan bagi memahami pelaksanaan Perintah Gaji Minimum. Sebanyak 16 sesi libat urus dilaksanakan di seluruh negara melibatkan 1,109 penyertaan persatuan majikan, wakil industri, kesatuan sekerja dan wakil pekerja, agensi kerajaan dan pakar antarabangsa seperti *International Labour Organisation (ILO)*.
 - **Saluran aduan** dan pemantauan bagi pekerja yang menghadapi isu ketidakpatuhan menerusi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Tenaga Kerja Sabah, dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.
 - **Kerjasama dengan agensi** berkaitan untuk memberi panduan dan bantuan kepada syarikat yang memerlukan penyesuaian dalam struktur gaji.
5. KESUMA mengingatkan bahawa **gaji minimum tidak sepatutnya dijadikan penanda aras gaji permulaan** kepada semua pekerja khususnya siswazah dan para pekerja perlu diberi **gaji setimpal berdasarkan kemahiran**. Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum ini merupakan salah satu pendekatan besar KESUMA dalam meningkatkan pendapatan kaum pekerja selain pelaksanaan Dasar Gaji Progresif dan usaha merencanakan latihan kemahiran sebagai kaedah meningkatkan keberhasilan dan gaji pekerja. Dengan pelaksanaan yang berkesan, bukan sahaja pendekatan-pendekatan ini dapat meningkatkan kesejahteraan pekerja, tetapi juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.
6. **KESUMA menyeru** semua majikan, pekerja dan pihak berkepentingan industri, untuk bekerjasama dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum baharu ini. Untuk maklumat lanjut mengenai Perintah Gaji Minimum baharu, orang ramai boleh melayari laman web rasmi di <https://minimumwages.mohr.gov.my/>

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
31 JANUARI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	